

Buletin

ACIS

Muharam - Safar 1443/ September 2021

BELASUNGKAWA: Ustaz Mu'allim Berbakti Kepada Ibu Tanpa Jemu

eISSN 2600-8289



9 7 7 2 6 0 0 8 2 8 0 0 1

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah
Nasif Sidquee Pauzi
Nur Sofiah binti Suhaimi

Sidang Pengarang:

Nasif Sidquee Pauzi
Mu'allim Mohd Bakri
Dr Azarudin bin Awang
Muhammad Noor Hussin

Nurul Atikah binti Poniran & Dr Mohamad
Hasif bin Jaafar

Dr Hj Mohd Kamel bin Mat Salleh
Suhaila Sharil
Amirah Hassan @ Asan
Nuruul Hidayah Mansor

Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan

Berminat untuk menerbitkan
artikel akademik atau apa-apa
hasil karya?

Hantarkan ke

buletinacisnsdk@gmail.com

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah Buletin ACIS siri ke-35 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Edisi Belasungkawa kali ini menerbitkan semula artikel terakhir Allahyarham Ustaz Muallim Mohd Bakri tentang berbuat baik kepada ibu bapa. Sidang redaksi mengucapkan Takziah kepada seluruh ahli keluarga Allahyarham atas pemergiannya dan bonda tercintanya. al-Fatihah. Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Isi Kandungan

Belasungkawa: Ustaz Mu'allim Berbakti
Kepada Ibu Tanpa Jemu 3

Awas! Jangan Derhaka 5

Memperelokkan Diri Dengan Melaksanakan
Amal Yang Soleh 6

Murka Allah SWT Terhadap Pemutus
Silaturrahim 7

Insan Sebagai Khalifah Dalam Peradaban 8

Penubuhan Jabatan/Institusi Fatwa di
Malaysia: Kelantan, Terengganu dan Pahang 9

Program Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil 10

Rembau Food Bank 11

I-EKONIS 2.0 12

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan
sebulan sekali



<https://www.facebook.com/ACISN9>

BELASUNGKAWA: Ustaz Mu'allim

Berbakti Kepada Ibu Tanpa Jemu

Oleh: Nasif Sidquee Pauzi

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan telah kehilangan pensyarah yang sangat berdedikasi pada 1 Julai 2021 bersamaan 21 Zulkaedah 1442 yang lalu.



Allahyarham Ustaz Mu'allim bin Mohd Bakri telah menghembuskan nafas terakhirnya di kediaman beliau di Bukit Chedang, Seremban setelah diserang angin ahmar pada malam sebelumnya. Jenazahnya telah dikebumikan di Tanah Perkuburan Segantang Lada, Rasah.

Allahyarham terkenal dengan sifatnya yang lemah lembut, suka tersenyum dan sentiasa sudi membantu rakan-rakan sejawatan, menyebabkan kehilangannya amat dirasai. Beliau juga merupakan editor pertama yang diamanahkan menerbitkan Buletin ACIS yang diterbitkan pada setiap bulan. Kegigihan dan kesungguhannya untuk menulis dapat dilihat semenjak beliau mula berkhidmat di UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun lagi. Allahyarham telah mengeluarkan duit sendiri bersama dua orang rakan yang lain untuk menerbitkan buku berjudul Fiqh Tiga Serangkai.



Jika ditanya pada setiap yang mengenali susuk tubuh Allahyarham, semua akan menyatakan beliau adalah seorang yang sangat baik hati. Tidak ada yang pernah berkecil hati dengan beliau, menyebabkan beliau sangat disenangi dalam kalangan rakan-rakan sesama akademi mahupun rakan-rakan daripada fakulti yang lain. Sikap beliau yang gemar tersenyum menyebabkan Allahyarham mudah didekati dan disenangi ramai. Tidak hairanlah apabila ramai yang menghadiri majlis tahlil yang diadakan untuk beliau secara dalam talian walaupun keadaan pergerakan adalah terbatas pada waktu ini disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).



Antara yang menarik perhatian penulis sepanjang mengenali beliau, Allahyarham suka belanja makan rakan-rakan jika keluar makan bersama. Apabila kita hendak membayar selepas selesai makan, ternyata makanan sudah dibayar oleh beliau. Allahyarham juga kebiasaannya akan berkongsi kereta dengan penulis untuk ke kampus Kuala Pilah untuk mengajar para pelajar Diploma Pengurusan Halal. Hal ini menyebabkan hubungan penulis agak rapat dengan beliau. Bahkan kami ditempatkan di bilik yang sama di kampus Kuala Pilah.

Kebiasaannya antara perkara yang sering dibualkan sepanjang perjalanan dari kampus Seremban menuju ke kampus Kuala Pilah adalah berlegar tentang ibunya yang dicintai. Apabila memandu pulang untuk balik dari kampus Kuala Pilah ke kampus Seremban seringkali Allahyarham akan bercerita apa jenis masakan yang akan dimasak untuk ibunya. Beliau menyatakan bahawa ibunya tidak mahu makan makanan adik beradik lain yang masak, hanya mahu makan makanan yang Allahyarham masak. Pada minggu-minggu akhir sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir, Allahyarham ada menyatakan kerisauan tentang keadaan ibunya yang uzur dan tidak selera untuk makan.

Artikel terakhir yang Allahyarham terbitkan di dalam Buletin ACIS bertajuk Awas! Jangan Derhaka membincangkan tentang kewajiban berbakti kepada ibu bapa memberi gambaran betapa beliau seorang anak yang sangat kuat berbakti kepada orang tuanya. Malahan pada malam diserang angin ahmar, Allahyarham

masih sempat membantu ibunya untuk pergi ke bilik air.

Warga ACIS sekali lagi dikejutkan dengan berita pulangnya ibu kepada Allahyarham Ustaz Mu'allim ke rahmatullah pada 29

Ogos 2021, 60 hari setelah pemergian Allahyarham. Semoga kedua-dua insan diampunkan segala dosa, dikasihi Allah dan ditempatkan bersama para solihin.



Awas! Jangan Derhaka

Oleh: Mu'allim Mohd Bakri
Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari.
UiTM Cawangan Negeri Sembilan



Sebuah kisah tauladan mengenai anak derhaka telah berlaku pada zaman Rasulullah SAW. Kisah yang selalu diceritakan adalah mengenai layanan buruk 'Alqamah terhadap ibunya yang berlaku di zaman Rasulullah SAW. Kisah ini menyatakan bahawa, 'Alqamah telah ditimpa sakit yang amat teruk dan tidak dapat mengucap ketika hampir saat kematianya. Walaupun, para sahabat Rasulullah SAW telah mengajarnya berkali-kali untuk mengucap namun dia masih gagal mengucap. Sehingga Rasulullah terpaksa memanggil ibu 'Alqamah untuk bertanyakan mengenai perkara sebenar yang berlaku. Ibu 'Alqamah telah menerangkan kepada Rasulullah SAW bahawa dia marah kepada anaknya kerana anaknya lebih mengutamakan isteri lebih daripada dirinya sendiri sebagai ibu kandung 'Alqamah. Pengajaran yang boleh didapati daripada kisah ini adalah walaupun 'Alqamah merupakan seorang yang sangat taat dan kuat ibadatnya kepada Allah SWT, rajin bersolat, berpuasa dan bersedekah tetapi disebabkan kemarahan ibunya, Allah SWT telah mengelukan lidahnya untuk mengucapkan kalimah syahadah.

Penderhakaan kepada ibu bapa adalah sebahagian gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat. Terdapat masyarakat Islam yang menganggap memelihara dan menjaga kebaikan kedua ibu bapa bukan satu tanggungjawab penting. Fenomena ini berlaku kerana masyarakat beranggapan menjaga rumah tangga sendiri dan anak-anak lebih penting daripada mengambil berat ke atas ibu bapa. Paling malang lagi terdapat anak-anak yang menghantar kedua ibu bapa mereka ke rumah orang-orang tua dengan alasan sibuk bekerja ataupun sukar mencari penjaga. Ini adalah berita buruk dan amat menyedihkan ibu bapa. Lebih menyedihkan terdapat ibu bapa yang telah ditempatkan di rumah kebaikan ini merayu kepada anak-anak supaya mengambil mereka kembali untuk tinggal bersama tetapi tidak diendahkan. Selain itu terdapat juga anak-anak lebih memuliakan dan menghormati kawan-kawan dan sahabat handai berbanding dengan layanan kepada ibu bapa mereka.

Islam memberi amaran keras terhadap mereka yang gagal melaksanakan hak-hak ibu bapa, menderhaka atau membiarkan ibu bapa yang sudah lanjut usianya menjalani kehidupan yang sukar dan menyedihkan. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Tidak akan masuk syurga orang yang suka menunjuk-nunjuk pemberiannya, orang yang derhaka

manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan dan menceraikan susunya dalam masa dua tahun; bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu; dan kepada Akulah tempat kembalimu."

Hakikatnya tanggungjawab anak-anak dalam melaksanakan hak-hak ibu bapa adalah hak yang paling penting sesudah menunaikan hak Allah SWT dan hak rasul-Nya. Lantaran itu, hendaklah kita berbakti dan berbuat baik kepada mereka, mengutamakan mereka dalam segala kebaikan dan kebaikan. Sesungguhnya tanggungjawab anak-anak terhadap kedua orang tua bukanlah hanya dilakukan semasa hayat mereka masih ada sahaja tetapi berterusan walaupun mereka telah meninggal dunia. Anak-anak masih boleh menyumbangkan bakti mereka dengan pelbagai amalan seperti memperbanyak istighfar dan berdoa untuk mereka, bersedekah, membayar segala hutang piutang serta melaksanakan semua wasiat yang mereka tinggalkan selagi wasiat tersebut tidak bercanggah dengan hukum syarak. Selain itu menghubungkan silaturahim dengan teman-teman dan kaum kerabat serta orang-orang kesayangan ibu bapa juga merupakan salah satu cara berbakti yang boleh kita lakukan.

Kesimpulannya umat Islam hendaklah beristiqamah dalam berbuat ihsan kepada ibu bapa supaya mereka dapat menikmati kualiti hidup yang sempurna di dunia ini. Jika anak-anak gagal berbuat demikian, maka di kemudian hari mereka akan menerima nasib yang sama. Jabir RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Berbaktilah kepada orang tua kamu (ibu bapa), nescaya anak-anak kamu akan berbakti kepada kamu. Dan peliharalah kehormatan isteri-isteri orang lain, nescaya isteri-isteri kamu akan memelihara kehormatan mereka."

Fahamilah hakikat bahawa setiap umat Islam adalah anak dan juga akan menjadi ibu dan ayah. Oleh itu berlaku ihsanlah kepada ibu bapa agar setiap anak yang akan menjadi ibu dan bapa, akan dikasihani dan disayangi oleh anak-anak mereka pula. Jika ibu bapa hidup dalam keadaan terbiar, maka kemungkinan besar anak-anak yang akan menjadi ibu dan bapa juga akan turut terbiar dan tidak dipedulikan. Firman Allah SWT di dalam surah al-Isra' ayat 7 yang bermaksud: "Jika kamu berbuat kebaikan, maka faedahnya adalah untukmu dan jika kamu berbuat kejahanan, maka berbalik kepada diri kamu juga".

MEMPERELOKKAN DIRI DENGAN MELAKSANAKAN AMAL YANG SOLEH

Oleh: Dr Azarudin bin Awang

Profesor Madya di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Terengganu

Tuntutan melakukan amal soleh merupakan perintah Allah SWT ke atas setiap insan agar mereka memperolehi kebahagiaan dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Hamka menyatakan bahawa seorang Muslim yang mengakui beriman kepada Allah SWT tetapi tidak melaksanakan amal yang soleh maka jiwanya akan mati. Perkataan 'soleh' berasal daripada akar umbi so-la-ha 'صلح' memberi maksud baik. Menurut Ibnu Manzur, soleh

amalan, perilaku dan pekerjaannya dan suatu yang memperbaiki kerosakan. Di dalam Kamus Dewan, dinyatakan soleh merupakan perkataan Arab yang memberi maksud taat dan patuh kepada perintah Allah. Imam Al-Alusi dalam kitabnya, *Tafsir Ma'ani* menjelaskan bahawa insan yang soleh merupakan manusia yang menyerahkan segenap hidupnya untuk menuju ketaatan kepada Allah SWT termasuk membelanjakan segala rezeki yang diberikan oleh Allah ke jalan yang direhdai. Justeru, amalan soleh merupakan amalan yang 'dilakukan' dan yang perlu 'ditinggalkan' dengan ketentuan syari'at Islam yang mencakupi aspek ibadah atau muamalah dan dilakukan semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT.

Amal soleh merupakan manifestasi terhadap pembuktian dan kesaksian berimannya seseorang kepada Allah SWT. Terdapat banyak ayat-ayat al-Quran yang menerangkan pentingnya melaksanakan amal yang soleh misalnya Surah Al-Kahfi: 110 (amal soleh menjadi prasyarat bertemu dengan Allah SWT), Surah Al-Maidah: 9, Surah An-Nahl: 97 (janji Allah dengan pengampunan dan pahala yang besar kepada pelakunya), Surah Ar-Ra'd: 29 (dijanjikan dengan kebahagiaan), Surah Maryam: 76 (insan soleh sentiasa dalam hidayah Allah) dan sebagainya. Bagi memastikan setiap amal perbuatan yang dikira sebagai soleh, amalan tersebut perlulah dipelihara sebaik-baiknya dan tidak dianggap remeh kerana ia mampu memperteguhkan iman dan jiwa seorang Muslim. Dalam kata lain, sebarang bentuk amal soleh harus dilandasi dengan keimanan kepada Allah SWT, manakala mana-mana amalan yang tidak dilandasi keimanan maka ia tidak wajar disebut amal soleh.

Apa yang pasti kehadiran insan yang soleh menjadi pengundang kepada rahmat Allah SWT dan dijauhkan daripada sebarang bencana. Rasulullah merupakan sebaik-baik insan, semulia-mulia jalan, contoh terbaik dan seindah cermin sebagai insan yang soleh. Rasulullah SAW mendidik para sahabat bukan sekadar membentuk seseorang itu menjadi mukmin untuk dirinya, beramal dan bertaqwa seorang diri sahaja. Bahkan didikan yang diberikan melahirkan insan soleh yang sedia berkhidmat, memberi sumbangan kepada Islam, manfaat kepada orang lain dan sentiasa bersedia untuk berjihad pada jalan Allah SWT. Justeru, Hasan al-Basri menyatakan bahawa "perbanyakkan rakan-rakanmu dalam kalangan orang yang soleh kerana mereka memiliki syafaat di hari Kiamat". Malah, Imam Asy-Syafie dengan rendah hati melalui ungkapan syairnya

menyatakan bahawa "*Aku mencintai orang-orang yang soleh, biarpun diriku tidak termasuk di antara mereka, semoga aku mampu menggapai syafaat daripada mereka*".

Selain melaksanakan perkara tuntutan wajib, terdapat tiga perkara yang melayakkan seseorang itu dinamakan sebagai insan yang soleh. Pertamanya ialah sentiasa membaiki hubungannya dengan Allah dengan cara berzikir, membaca al-Quran, beristighfar, melaksanakan tahajud dan sebagainya. Imam Nawawi menjelaskan bahawa segala majlis yang dianjurkan dengan matlamatnya ketaatan kepada Allah termasuk dalam majlis zikir. Berkait dengan ini, seorang sahabat besar Rasulullah SAW, Said bin Jabir menyatakan bahawa zikir merupakan ibadat yang menghampiri seseorang itu kepada Allah SWT. Keduanya ialah melakukan penambahbaikan terhadap agamanya melalui tarbiah dan tuntutan ilmu. Hal ini kerana, bertambahnya ilmu membolehkan seseorang itu meningkatkan dan memperkuuhkan amal solehnya malah ia mampu berkongsi pula kepada orang lain. Bahkan dalam dalam satu hadis lain Rasulullah SAW bersabda bahawa "*Barang siapa menuntut ilmu bererti memudahkan perjalannya ke syurga*" (Hadis Riwayat Muslim). Namun, ilmu yang diperolehi itu tidak memberi makna seandainya ia tidak diamalkan dengan terbaik, ikhlas dan jujur. Ketiganya ialah sentiasa *qanaah* iaitu reda dan bersyukur dengan segala yang ada. Berkait dengan ini, Imam al-Maraghi menjelaskan bahawa insan soleh yang bijaksana ialah menguruskan dunianya dengan *qanaah*, menguruskan urusan akhiratnya dengan bersegera dengan ilmu dan dilakukan dengan bersungguh-sungguh.

Dalam konteks membangunkan institusi keluarga, mempunyai pasangan hidup yang soleh pastinya akan membawa suasana rumah dan keluarga yang aman damai, harmoni dan sejahtera. Suami yang soleh akan berusaha membentuk dan memastikan hala tuju isteri dan anak-anaknya sentiasa berada dalam keredhaan Allah. Begitu juga dengan isteri yang soleh, melayani suami dan anak-anak dengan ikhlas dan kesabaran. Manakala anak yang soleh merupakan insan yang sentiasa menjalani kehidupannya dengan sikap amanah dan jujur kepada Allah SWT, Rasulnya dan juga berbakti kepada kedua ibu-bapanya. Persoalannya bagaimanakah memiliki anak yang soleh? Untuk mendapatkan anak yang soleh maka ibu bapa terlebih dahulu perlulah berusaha menjadi orang yang soleh. Hal ini kerana ibu bapa menjadi contoh teladan awal bagi anak-anak mereka malah sebahagian besar kelakuan anak-anak adalah cermin kepada kehidupan ibu bapa pada masa lalu. Seandainya anak-anak ditarbiasahkan dengan ilmu keagamaan sejak kecil tidak mustahil anak-anaknya akan menjadi ibu-bapa yang hebat pada suatu masa nanti. Selain itu, kita disarankan untuk meminta dan sentiasa berdoa agar dikurniakan anak yang memiliki sifat dan ciri-ciri anak yang soleh. Berkait dengan ini, Allah mengabdiakan doa Nabi Ibrahim 'alaihissalam di dalam al-Quran dalam surah as Saffat ayat 100 yang bermaksud "*Tuhanku, kurniakanlah untukku (seorang anak) yang termasuk orang-orang soleh*".

Insan yang soleh diumpamakan seperti wangian, sesiapa yang mendekatinya pasti mencium bau keharumannya apatah lagi apabila ia berkongsi wangian tersebut. Ibnu Qayyim al-Jauziyah menjelaskan lagi ‘ke mana pun dia pergi dan di mana pun dia bertempat pasti akan memberi manfaat di dunia dan di akhirat bagi manajua arah yang dituju, daerah yang didiami dan kepada orang yang mendampinginya’. Malah, dalam satu hadis Rasulullah SAW menyatakan dengan sabdanya “bersahabat dengan orang yang soleh dan orang yang jahat diumpamakan berkawan dengan pengedar minyak wangi dan tukang besi (yang memercikkan api). Pengedar minyak wangi sama ada ia memberi kepada kamu sebahagiannya atau kamu membeli bau-bauannya

atau sekurangnya kamu dapat juga mencium keharumannya. Manakala tukang besi samada ia menyebabkan baju kamu terbakar atau kamu mendapat bau yang busuk” (Riwayat Abu Daud).

Marilah kita bersama-sama bermuhasabah dan sentiasa mempertingkatkan amal soleh kita dengan memperbanyakkan dan memperelokkan segala ibadah dan muamalah dengan sentiasa mengikhlaskan diri kepada Allah. Semoga kita diberikan dengan kehebatan di dunia dan di akhirat sebagaimana janji Allah dalam firmanya yang bermaksud “Sungguh orang yang beriman dan beramal soleh untuk mereka disediakan syurga Firdaus sebagai tempat kediamannya” (al-Kahfi 107).

Murka Allah SWT Terhadap Pemutus Silaturrahim

Oleh: Muhammad Noor Hussin

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Antara langkah syaitan dalam menyesatkan umat Islam adalah dengan membisikkan serta menghasut umat Islam untuk saling bermusuhan, berpecah dan akhirnya memutuskan tali hubungan persaudaraan. Akhirnya, mereka menghindar dan tidak bertegur sapa sesama Muslim tanpa sebab yang dibenarkan agama. Antara yang biasa berlaku adalah perkelahian berkenaan harta.

Bahkan ada yang bersumpah untuk tidak mahu bertegur sapa selama-lamanya atau bernazar untuk tidak menziarahi rumahnya. Jika secara tidak sengaja bertemu di jalan, ia segera memalingkan muka. Apabila bertemu di majlis pula, ia hanya bersalaman bersama orang yang sebelum dan sesudahnya tanpa menghiraukannya. Turut berlaku di mana putusnya hubungan tersebut sehingga bertahun-tahun lamanya dan ini jelas diharamkan oleh agama.

Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A. “Tidak halal seorang Muslim memutuskan hubungan dengan saudara (sesama muslim) lebih dari tiga hari. Barangsiapa memutuskan lebih dari tiga hari dan meninggal dunia maka ia masuk neraka.” (Riwayat Abu Daud: 215). Agama telah menyatakan dengan jelas bahwasanya diharamkan sesama Muslim untuk tidak menghiraukan saudara Muslimnya melebihi tiga hari, apatah lagi sekiranya ia berlaku selama bertahun-tahun seperti mana yang diriwayatkan oleh Abu Khirasy Aslami R.A. “Barangsiapa memutuskan hubungan dengan saudaranya selama setahun maka ia seperti mengalirkan darahnya.” (Riwayat Bukhari: 406). Perbuatan memutuskan hubungan sesama Muslim ini mengundang kemurkaan Allah SWT serta Allah SWT menolak daripada memberikan ampunan ke atas mereka. Hal ini disebut dalam sabda baginda Nabi SAW yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A Maksudnya: “Semua amal manusia diperlihatkan (kepada Allah SWT) pada setiap Jumaat dua kali; hari Isnin dan hari Khamis. Maka setiap hamba yang beriman diampuni (dosanya) kecuali hamba yang antara dirinya dengan saudaranya ada permusuhan.

“Difirmankan kepada malaikat: Tinggalkanlah atau tangguhkanlah (pengampunan untuk) dua orang ini sehingga keduanya kembali berdamai.” (Riwayat Muslim: 4780).

Jika salah seorang daripada keduanya bertaubat kepada Allah SWT, maka mereka harus berusaha menyambung kembali hubungan silaturrahim bersama kawannya dan memberinya salam. Jika ia telah melakukannya, manakala kawannya itu menolak maka ia telah terlepas daripada tanggungan dosa. Adapun kawannya yang menolak itu tadi, dosa itu tetap ada padanya.

Namun, jika ada alasan yang dibenarkan seperti ia meninggalkan solat atau berterusan melakukan maksiat dan memutuskan hubungan itu mampu membuatnya kembali kepada kebenaran ataupun menjadikannya merasa bersalah, pada ketika itu memutuskan hubungan hukumnya menjadi wajib. Walaubagaimanapun, sekiranya tindakan memutuskan hubungan itu mengeruhkan lagi keadaan yang menjadikan saudaranya itu tadi semakin berpaling, menjauh dan menambah dosa maka ia dilarang daripada memutuskan hubungan dengannya seperti mana hajr Nabi SAW terhadap Kaab bin Malik dan dua orang kawannya yang dihentikan oleh baginda. Dalam keadaan seperti ini, perlulah terus-menerus berbuat baik, menasihati dan mengingatkannya.

Kesimpulan yang dapat dibuat:

1. Memutuskan hubungan silaturrahim melebihi tiga hari dengan sengaja adalah haram dan mendapat ancaman neraka.
2. Segala amal mahupun taubat tidak diterima atau ditangguhkan selagi mana pihak yang bersengketa masih belum berdamai.
3. Pihak yang bersengketa dikira terlepas dari tanggungan dosa jika telah melakukan usaha damai walaupun sebelah pihak lagi tidak menerima perdamaian tersebut.

Rujukan: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan: Perkara Haram Yang Dianggap Biasa

INSAN SEBAGAI KHALIFAH

dalam peradaban

Oleh: Nurul Atikah binti Poniran & Dr Mohamad Hasif bin Jaafar

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Peranan insan dalam membangunkan peradaban adalah elemen yang paling utama dalam sesebuah ketamadunan. Pembinaan insan dalam peradaban adalah proses untuk membentuk insan yang baik dan berguna. Ia bukan sahaja berguna kepada dirinya malah masyarakat, agama dan negara. Jika insan dapat dibina dengan baik maka pasti kejayaan akan menjadi kenyataan.

Perbincangan tentang insan juga perlu merujuk kepada peranan manusia sebagai makhluk Allah SWT. Manusia berperanan sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini. Dari segi bahasa, khalifah bermaksud pemimpin yang tertinggi (Ibn Manzur, 1999, hal. 182-183. Lihat juga, Al-Fairuzabadi, 1993, hal. 1044.) Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah:

*"Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: 'Sesungguhnya Aku hendak menjadikan khalifah di muka bumi'; mereka berkata: 'mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?' Tuhan berfirman: 'sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui'"
(al-Baqarah: 30).*

Bertepatan dengan maksud khalifah, manusialah pemimpin alam ini. Sebagai pemimpin, manusia dikurniakan akal fikiran yang tidak diberikan kepada makhluk-makhluk lain dan dengan itu kejadian manusia adalah sebaik-baik penciptaan.

Berdasarkan firman Allah SWT

"Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya." (Al-Tin:4).

Insan yang bertanggungjawab menjalankan tugas sebagai khalifah membawa kepada kemajuan peradaban sekaligus memenuhi amanah Allah SWT kepada manusia. Khalifah adalah satu keistimewaan yang besar dan hanya diberikan kepada manusia dan tidak diberikan kepada malaikat, apatah lagi diberikan kepada jin. Daripada itu diyakini bahawa bukan setiap makhluk itu layak dan berhak menjadi khalifatullah. Seterusnya juga bukan setiap manusia yang pada hakikatnya hamba itu dengan sendirinya adalah khalifah. Walaupun dari segi hakikatnya manusia itu hamba dan khalifah Allah SWT, namun dari segi konsep dan pelaksanaannya adalah tidak. Oleh kerana itu, maka manusia yang layak dan berhak menjadi khalifah itu ialah manusia yang melaksanakan konsep kehambaan diri kepada Allah SWT dan telah melaksanakan konsep penyerahan diri kepada Allah SWT dalam empat prinsip iaitu akidah, syariat, ibadah dan akhlak.

Terkandung dalam pengertian khalifah adalah menguasai dan memerintah ataupun mempunyai sifat "al-siyadah" (ketuanan). Sifat ini diakui oleh Allah SWT seperti yang termaktub dalam kitab suci al-Quran untuk menjadi "Tuan" ke atas segala makhluk dan ciptaan di atas muka bumi. Tetapi sifat ini bukan menjadi sifat yang istimewa dan asasi dalam tugas khalifah. Sifat tersebut hanya sebagai alat atau jalan kepada manusia untuk melaksanakan tugas khalifah. Jika ketuanan dan kekuasaan itu digunakan bukan untuk melaksanakan tugas khalifatullah di muka bumi, maka manusia itu tidak lagi menepati konsep khalifah tetapi sebaliknya manusia yang menentang, melawan, menderhaka dan memberontak kepada Allah SWT serta kepada kekuasaan, pemerintahan, kesultanan dan kehakiman Allah SWT. Langkah kerdilnya manusia yang melakukan perbuatan tersebut.

Bagi seorang khalifah, dia perlulah memikirkan keputusan yang terbaik dan memilih tindakan yang direhdai Allah SWT. Jika penggunaan akal yang ada pada manusia di jalan yang benar, nescaya ianya akan membuatkan manusia itu berperilaku hampir sesuci dan semurni malaikat.

Nikmat yang besar bagi manusia ini pernah ditanya oleh malaikat kepada Allah SWT seperti yang terkandung dalam ayat 30 Surah al-Baqarah yang bermaksud

"Ingatlah, "Firman Allah SWT kepada malaikat, "Sesungguhnya Aku akan menjadikan seorang khalifah di atas muka bumi (Adam). Maka jawab mereka itu, "Adakah patut Engkau jadikan di atas muka bumi orang yang akan berbuat bencana dan menumpahkan darah, sedang kami bertasbih memuji Engkau dan mensucikan Engkau? Allah berfirman, "Sesungguhnya Aku mengetahui apa-apa yang tiada engkau ketahui"

Oleh itu, khalifatullah tidak seharusnya terdiri daripada orang-orang yang zalim, fasik, fajir, laikai kepada Allah SWT dan melanggar batasan-batasan-Nya tetapi mereka haruslah terdiri daripada orang-orang mukmin yang bertaqwa dan beramal soleh. Allah SWT berfirman dalam surah Sad ayat 28, bermaksud:

"Adakah Kami jadikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh seperti orang-orang yang berbuat bencana dimuka bumi? Bahkan adakah Kami jadikan orang-orang yang bertaqwa (baik) seperti orang-orang yang fasik (jahat)?"

Kesimpulannya, khalifatullah juga tidak boleh terdiri daripada orang-orang bodoh atau dungu, tetapi haruslah orang-orang yang berilmu, berakal, sihat, memiliki kecerdasan, kearifan dan kemampuan intelektual untuk memerintah sebagai khalifah dan menggalas tanggungjawabnya. Manusia adalah makhluk yang dipilih oleh Allah SWT untuk memikul amanah. Oleh itu, manusia adalah makhluk yang paling dipercayai dapat menjalankan tanggungjawab walaupun manusia itu pada asalnya dilahirkan jahil yakni tidak mengetahui apa-apa.

Penubuhan Jabatan/ Institusi Fatwa di Malaysia: **KELANTAN,** **TERENGGANU** dan **PAHANG**

Oleh: Dr Hj Mohd Kamel bin Mat Salleh

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
UiTM Cawangan Negeri Sembilan



Kelantan: Negeri Kelantan dikenali sebagai Serambi Mekah lantaran suasana keislaman yang wujud di negeri tersebut persis Makkah al-Mukarramah. Dari sudut sejarah, Kelantan pernah menjadi jajahan takluk Siam sekitar tahun 1899-1906. Dalam tempoh tersebut, Siam meletakkan penasihatnya dalam hal-ehwal pentadbiran kecuali dalam hal-ehwal agama Islam dan adat Melayu. Kesan dari Perjanjian Bangkok 1909 antara Siam dan Inggeris, Kelantan diletakkan di bawah jajahan takluk Inggeris dan dimasukkan ke dalam Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu. Seperti negeri-negeri yang lain, urusan berkaitan agama dan adat istiadat di Kelantan tetap menjadi bidang kuasa Raja-Raja Melayu.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan ditubuhkan pada 24 Disember 1915, berperanan untuk memungut dan menyimpan zakat, menyelaras harta baitulmal, memelihara rumah ibadat, menjaga tanah perkuburan orang-orang Islam, mengembangkan pengajian agama Islam dan sebagainya. Pada tahun ini juga jawatan Mufti telah diwartakan sebagai satu jawatan rasmi. Mufti yang dilantik pada tahun tersebut ialah Haji Wan Muhammad bin Haji Abdul Samad yang turut menggantik Majlis ini.

Hakikatnya, jawatan Mufti telah wujud lebih awal sebelum penubuhan Majlis dan Jabatan yang menguruskan hal ehwal keagamaan, bahkan Kelantan adalah negeri terawal yang mempunyai Mufti di Malaysia iaitu sekitar tahun 1830-an ketika pemerintahan Sultan Muhammad ke-II (1837-1886). Baginda telah melantik Syed Daud bin Syed Muhammad menjadi Mufti pertama negeri Kelantan.

Selain daripada jawatan sebagai Mufti, Haji Wan Muhammad juga telah dilantik sebagai Ketua Dewan Ulama, sebuah organisasi yang ditubuhkan pada tahun 1918 yang dinamakan sebagai Dewan Permesyuaratan Ulama. Ia bertitik tolak daripada timbulnya banyak persoalan berkenaan hukum syarak dan mengikut pandangan Sultan, ia hendaklah dijawab melalui sebuah organisasi yang berautoriti dan berwibawa.

Pada 23 September 1919, Haji Wan Muhammad dilantik sebagai anggota Dewan Mesyuarat Negeri untuk menjelaskan masalah yang berkait dengan agama Islam dalam Dewan tersebut. Undang-undang Pentadbiran Agama Islam No. 2 negeri Kelantan telah diwujudkan pada tahun 1966. Melalui Undang-undang ini, satu organisasi yang dinamakan Jemaah Ulama yang sebelumnya dikenali sebagai Majlis Fatwa telah ditubuhkan dan diletakkan di bawah Majlis Agama Islam. Jemaah Ulama ini dipengerusikan oleh Mufti dengan keahlian tidak kurang daripada lapan orang yang terdiri daripada para ulama yang pakar dalam bidang agama.

Usaha untuk memperkasakan institusi fatwa dilakukan secara berterusan dari semasa ke semasa sehingga akhirnya dikenali sebagai Jabatan Mufti Negeri Kelantan mulai 29 Ogos 2005.

Terengganu: Terengganu adalah negeri terawal di Tanah Melayu yang menerima kedatangan Islam. Ia bersandarkan kepada catatan pada Batu Bersurat yang dijumpai di Ulu Sungai Teresat, Kuala Terengganu yang menjelaskan bahawa Islam telah sampai ke negeri Terengganu sejak tahun 702H/1303M lebih awal dari Melaka.

Mufti pertama Terengganu ialah Sheikh Abdul Kadir Bukit Bayas yang berasal dari Hadramaut ketika pemerintahan Sultan Umar (1830-1876). Mufti berperanan sebagai penasihat Sultan dalam segala hal berkaitan agama Islam dan hukum syarak. Sebagai sebuah negeri yang mempunyai latar belakang Islam yang kuat, Perlembagaan Terengganu 1911 menetapkan bahawa Islam adalah agama rasmi negeri. Raja yang memerintah mestilah seorang yang beragama Islam berbangsa Melayu, agama selain Islam tidak boleh disebarluaskan dan Ahli Jemaah Menteri mestilah terdiri dari orang-orang Islam.

Mengikut perjanjian dengan kerajaan Inggeris, Terengganu hendaklah menerima Pegawai Penasihat Inggeris untuk menasihati kerajaan Negeri dalam semua hal pentadbiran kecuali perkara yang berkaitan dengan hal-ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu.

Pada tahun 1912, Kerajaan Terengganu telah menujuhkan Pejabat Hal-Ehwal Agama Islam. Ia ditadbir oleh beberapa orang pegawai terdiri daripada Sheikh al-Islam sebagai ketua, Penolong Sheikh al-Islam, Mufti, Kadi dan Nazir Masjid. Jawatan mufti dikenali sebagai Syeikh al-Ulama'. Sebarang permasalahan yang timbul, mufti tidak bersendirian dalam mengeluarkan hukum, tetapi turut menjemput ulama yang difikirkan berwibawa dalam negeri Terengganu untuk memberi pendapat mereka mengenai masalah-masalah tersebut. Hal ini disebabkan Mufti yang juga merupakan pegawai di Jabatan Hal Ehwal Agama tidak mempunyai kakinan tersendiri. Pada tahun 1949, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu telah ditubuhkan bertujuan untuk menasihati Sultan dalam urusan keagamaan dan adat istiadat Melayu.

Jabatan Mufti telah diwujudkan dengan rasminya pada 1 Muharram 1406 bersamaan 16 September 1985 setelah melalui proses pengasingan dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu. Mufti Ketika itu ialah Dato' Pangeran Diraja Dato' Engku Haji Alwi bin Engku Haji Ambak Al-Idrus.

Pahang: Catatan sejarah menunjukkan bahawa Islam telah sampai ke Pahang ketika Melaka di bawah pemerintahan Sultan Muzafer Syah (1445-1458) selepas Pahang ditawan oleh Kerajaan Melaka pada tahun 1454. Sultan Muhammad Syah adalah pemerintah Pahang yang beragama Islam dan ketika zaman ini, Islam telah berkembang dan menjadi agama rasmi negeri. Pada zaman pemerintahan Bendahari Wan Ali (1806-1857), beberapa jawatan berportfolio agama diwujudkan antaranya mufti, kadi dan guru

agama. Mufti pertama Pahang ialah Tuan Haji Abdul Syukur yang berkhidmat dari tahun 1806-1857. Mufti bertanggungjawab menasihati sultan dan mengajar kerabat-kerabat Diraja.

Campur tangan Inggeris bermula pada tahun 1888. Mengikut perjanjian antara Inggeris dan Sultan Ahmad, Inggeris menguasai pentadbiran negeri kecuali hal-ehwal agama Islam dan adat resam Melayu.

Pada 17 Julai 1933, Sultan Abu Bakar telah menubuhkan Majlis Anggota Islam Pahang dengan tujuan untuk memantapkan lagi pentadbiran hal-ehwal Islam di Pahang. Pada tahun 1937, Majlis ini ditukar namanya kepada Majlis

Agama Islam Pahang. Pada 10 November 1943, Majlis ini telah menubuhkan Jamaah Ulama Pahang yang berperanan untuk menentukan hukum, peraturan dan pelaksanaan hukum Islam.

Dalam struktur organisasi Majlis dan Jabatan Agama Islam Pahang (sebelum pelaksanaan penyusunan semula struktur organisasi, Mufti diletakkan di bawah Jabatan Agama Islam Pahang). Hanya satu jawatan sahaja diwujudkan iaitu jawatan Mufti, tiada Timbalan dan kakitangan pembantu. Mufti adalah anggota tetap Majlis Ugama Islam Pahang. Jabatan Mufti diasingkan terus daripada Majlis/Jabatan Agama Islam Pahang mulai 1 Januari 1997.

PROGRAM MAJLIS BACAAN YASIN DAN TAHLIL

Oleh: Suhaila Sharif

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

REMBAU, 11 JULAI 2021 Majlis bacaan Yasin dan Tahlil telah diadakan secara dalam talian bermula jam 8 malam. Majlis ini dianjurkan oleh Pertubuhan IKRAM Rembau dengan kerjasama Persatuan Brigid Sukarelawan UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau yang telah dihadiri oleh 123 orang peserta terdiri daripada Ahli IKRAM Negeri Sembilan, MPKK Rembau, ahli Persatuan Brigid Sukarelawan, pelajar-pelajar UiTM Rembau dan ahli keluarga al-Marhum. Antara objektif majlis ini adalah untuk menzahirkan ucapan takziah kepada ahli IKRAM yang telah kehilangan ahli keluarga, memberi pengisian kerohanian kepada pelajar-pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau yang akan menduduki peperiksaan akhir serta mendoakan ahli IKRAM Rembau, pelajar-pelajar UiTM dan seluruh rakyat Malaysia agar dijauhi daripada wabak COVID-19. Majlis ini dipengerusikan oleh Nurin Aneesyah Binti Mohd Rafi daripada Persatuan Brigid Sukarelawan.

Seterusnya, majlis dimulakan dengan ucapan aluan daripada Haji Mohd Misri Bin Dolah Kanan merupakan Yang Dipertua IKRAM Rembau. Beliau memulakan ucapan dengan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir dan menerangkan bahawa seorang ahli Pertubuhan IKRAM Rembau iaitu Puan Hajah Jawiah binti Darmawan yang merupakan Ketua Wanita IKRAM Rembau telah kehilangan abang kandungnya Haji Musa Bin Darmawan pada 31 Mei 2021 lalu disebabkan positif COVID. Selain itu, seorang ahli IKRAM Kuala Pilah iaitu Ustazah Nurul 'Izzah Binti Che Mohamed juga telah kehilangan ayahnya Haji Che Mohamed bin Che Hussin yang telah kembali ke rahmatullah pada 3 Julai 2021 disebabkan kanser hati. Di samping itu, Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil ini telah dipimpin oleh Ustaz Mohd Sairin bin Sarlan, Penasihat dan Jurulatih Ko-Kurikulum bagi kod Institusi Pengurusan Masjid UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau. Pada akhir majlis ini Ustaz Sairin juga telah membacakan doa selamat agar pelajar-pelajar dapat menjawab peperiksaan dengan tenang.

Pihak penganjur program juga telah menyediakan e-sijil kepada semua peserta yang hadir. Hasil daripada program ini mendapat pelajar-pelajar sangat memberi komitmen dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas usaha untuk mengadakan majlis bacaan Yasin sebagai salah satu usaha, doa serta munajat kepada Allah SWT untuk menghadapi peperiksaan. Wakil daripada anak-anak almarhum Haji Musa Bin



Darmawan juga mengucapkan ribuan terima kasih di atas bacaan Yasin oleh pelajar-pelajar dan beliau mendoakan agar semua pelajar UiTM Rembau beroleh kejayaan cemerlang. Ustazah Nurul 'Izzah juga mengucapkan setinggi penghargaan kepada ahli Persatuan Brigid Sukarelawan kerana mendoakan ayahnya yang telah meninggal dunia. Beliau turut mendoakan semua pelajar tenang dalam menghadapi peperiksaan akhir. Semoga program seperti ini dapat merapatkan hubungan antara hamba dengan tuhannya, Allah SWT dan menyuntik semangat kepada semua pelajar agar memperoleh kejayaan cemerlang.



REMBAU

Food Bank

Oleh: **Amirah Hassan @ Asan**

Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media,
UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau



Menjalani kehidupan dalam era pandemik bukanlah suatu perkara yang mudah. Di samping setiap usaha dilakukan untuk mengelakkan wabak berjangkit ini dari terus menular, pada masa yang sama setiap anggota masyarakat perlu berusaha keras bagi meneruskan kehidupan dan menjalani rutin harian bagi mencari rezeki.

Dalam menghadapi kesukaran bagi meneruskan kehidupan, rakyat Malaysia bersatu hati dengan saling membantu ahli masyarakat yang lain menerusi pelbagai inisiatif dengan menyalurkan bantuan keperluan asas menerusi beberapa kempen tular di media sosial seperti kempen bendera putih dan sebagainya. Pelbagai pihak yang terdiri daripada persatuan sukarelawan NGO, organisasi korporat, badan kerajaan dan individu perseorangan turun padang tampil bagi meringankan beban masyarakat dengan menyalurkan pelbagai bantuan berbentuk keperluan asas bagi mereka yang berhadapan dengan masalah kehilangan punca pendapatan dan sebagainya.

Terpanggil untuk turut serta dalam menggiatkan lagi usaha murni ini, salah seorang penduduk di Rembau, Mohammad Izzat Amir mewakili pengusaha produk kreatif tempatan (penerbit buku indie) di bawah Projek Tempatan Food Bank mengusahakan Food Bank dan menjadikan kediamannya sebagai pusat penyaluran bantuan bagi memudahkan masyarakat setempat mendapatkan bantuan.

Bantuan berbentuk keperluan asas yang disediakan seperti makanan dalam tin, lampin pakai buang bayi dan dewasa, tuala wanita, beras, gula, garam, telur, MILO, bijun dan lain-lain. Tempatan Food Bank ini juga diperkenalkan menerusi pelbagai platform laman media sosial dengan menggunakan hashtag #tempatanfoodbank. Inisiatif ini bermula pada Jun 2021 dan masih berterusan sehingga kini.

Sehingga kini lokasi yang terlibat di bawah projek ini meliputi hampir seluruh semenanjung tanah air dan hampir 100 buah keluarga berjaya dibantu di Rembau. Usaha ini turut disambut baik oleh penduduk setempat yang turut menyumbang pelbagai keperluan asas tambahan sebagai tanda sokongan. Segala sumbangan dan bantuan yang dihulurkan oleh rakyat Malaysia tidak kira besar maupun kecil memberi impak yang mendalam terutamanya kepada golongan yang terkesan akibat pandemik ini. Bak kata pepatah Melayu, bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat.



I-EKONIS 2.0

INOVASI EKONOMI ISLAM CTU241

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah

Disediakan oleh:

Nuruul Hidayah Mansor

Pensyarah ACIS, UiTM CNS Kampus Kuala Pilah

PENGENALAN

Program i-EKONIS siri kedua (2.0) diperkasakan lagi dengan beberapa program yang berkonsepkan student based-learning sebagai inisiatif pensyarah untuk selarikan strategi P&P dengan matlamat Education 5.0 dan IR4.0. Melalui program ini mahasiswa diberikan peluang untuk meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis melalui penghasilan idea baru atau produk yang kreatif serta inovatif disamping memperkasa kemahiran komunikasi, kerja berpasukan dan keterampilan diri yang profesional. Mahasiswa turut diberikan peluang untuk mengaplikasi teori dan berkongsi pengetahuan melalui siri virtual webinar.

PENYERTAAN

Seramai 131 peserta yang telah menyertai pertandingan ini. Program webinar dibuka kepada semua mahasiswa Program Diploma Pengurusan Halal yang mendaftar kod kursus CTU241 dan juga mahasiswa UiTM Kampus Kuala Pilah

PENGHARGAAN & TAHNIAH

Penganjur mengucapkan terima kasih bagi:

- Kelulusan Tabung Amanah Pelajar (TAPA), Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah.
- Sokongan permohonan oleh Ketua Pusat Pengajian Islam Kontemporari.
- Komitmen Urusetia program, Pensyarah Kod Kursus CTU241 dan Juri Pertandingan i-EKONIS 2.0.
- Komitmen penyertaan daripada semua peserta.

Penganjur mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah:

- Gold
- Silver
- Bronze

serta penghargaan sebagai:

- Moderator webinar CTU241
- Panel webinar CTU241